

CNS4750

U GB 18-02 00205 BB172

aab

Mahathir - Bosnia

RUSSIA PERLU MINTA SERB TARIK KELUAR SENJATA DI SELURUH BOSNIA

I

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Russia seharusnya memberitahu penganas Serb supaya menarik keluar semua senjata berat mereka dari seluruh Bosnia-Herzegovina dan bukan di Sarajevo sahaja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sarajevo bukan semuanya, seluruh Bosnia perlu dibebaskan daripada puak Serb dan mereka perlu menarik balik semua senjata mereka," kata Perdana Menteri.

Ini untuk membolehkan Bosnia mengambil bahagian dalam perundingan tanpa terdedah kepada ancaman, katanya kepada pemberita sebagai menjawab pertanyaan tentang sama ada Serb akan mematuhi kata-dua NATO untuk membawa keluar senjata berat mereka di sekitar Sarajevo ke arah penyelesaian bagi peperangan di Balkan itu.

Russia dilaporkan telah meminta puak Serb mematuhi kata-dua Nato itu Dr Mahathir berkata: "Jika Russia jujur, Russia seharusnya meminta puak Serb keluar dan hentikan peperangan dan kemudiannya berunding.

"Saya fikir adalah tidak adil untuk mengharapkan (Presiden Bosnia) Alija Izetbegovic untuk bersetuju kepada syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya sedangkan beliau tidak mempunyai kebebasan untuk membuat pendirian sendiri kerana mereka menghalakan senjata ke arahnya," katanya selepas melancarkan Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (YATIM) di Pusat Islam di sini.

-- Lagi

▼18/02/13-09MST

CNS4759

U GB 18-02 00093 BB173

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata adalah tidak wajar untuk meminta Bosnia supaya berunding "sedangkan mereka akan membunuhnya".

Mengenai tentera Russia yang menyertai Pasukan Perlindungan Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR) yang menjalankan tugas pengaman di Bosnia-Herzegovina, beliau melahirkan harapan agar tentera Russia tidak memihak kepada mana-mana.

"Kita tidak menuduh mereka tidak berkecuali tetapi kita harap mereka akan terus berkecuali untuk membantu supaya puak Serb meletak senjata dan memastikan perundingan dijalankan tanpa sebarang ancaman daripada puak Serb terhadap Bosnia," katanya.

Mengenai kesan daripada sekatan perdagangan yang mungkin dikenakan Amerika Syarikat terhadap Jepun berikutan kegagalan kedua-dua negara mencapai persetujuan perdagangan, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkajinya memandangkan pada masa ini ia tidak pasti apakah kesannya.

Tetapi, katanya, "kita bersetuju bahawa sedang kita perlu membuka pasaran bagi semua, tidak pula mesti wujud kuota import oleh mana-mana pihak... kita beli apa yang kita fikir berpatutan dan apa yang kita perlukan, bukan berdasarkan kuota semata-mata."

Mengenai kemungkinan kebuntuan perjanjian perdagangan Amerika-Jepun itu menjejaskan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala Pusingan Uruguay dan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan, Dr Mahathir berkata Amerika telah menarik balik barangan tertentu yang telah mereka setujui pada pusingan Uruguay.

"Ini bukan satu petanda yang baik, apa perlunya melarang mereka menarik balik, yang demikian tak payahlah adakan rundingan Uruguay, begitu juga perjanjian GATT," katanya. -- Bernama

MGM OA NMO